

Penagih ditahan bersama heroin bernilai RM62,250

KOSMO 06/12/2017 MIS 2

SEBERANG PERAI - Polis Pulau Pinang menumpaskan kegiatan sindiket mengedar heroin mem-babitkan seorang pemuda berusia 21 tahun selepas menyerbu se-buah rumah di Taman Sri Jang-gus, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah di sini kelmarin.

Suspek itu ditahan sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Dae-rah Seberang Perai Tengah (IPD SPT) semasa lelaki itu sedang berehat di sebuah bilik di tingkat atas rumahnya pada pukul 4.05 petang.

Ketua Polis Daerah SPT, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab.

Hamid berkata, hasil pemeriksaan menemui sejumlah dadah heroin yang diisi di dalam 74 bungkus plastik berdekatan dengan suspek terbabit.

“Sebanyak 60 lagi pekete heroin ditemui di dalam satu sampul. Dadah yang dirampas bernilai RM62,250,” kata beliau di sini se-malam.

Menurut beliau, ujian air ken-cing ke atas suspek mendapati lelaki itu positif syabu.

Katanya, polis kini giat menge-nal pasti ahli-ahli sindiket lain ter-masuk sumber dadah yang diper-oleh suspek.



SEBAHAGIAN daripada heroin bernilai RM62,250 yang dirampas polis dalam serbuan di sebuah rumah di Bukit Mertajam kelmarin.